

22/12/1997

Terengganu ke suku akhir

Hussain Said

TERENGGANU melebarkan rekod tanpa kalahnya hasil kemenangan 5-1 ke atas Kelantan dalam saingan Kumpulan C, Kejohanan Bawah 18 Piala Milo di Pusat Latihan Polis (Pulapol) semalam untuk mara ke suku akhir.

Kemenangan itu adalah yang ketiga untuk menguasai tangga teratas dan akan bertemu naib juara Kumpulan A, Kuala Lumpur, dalam suku akhir, esok.

Sepuluh masa pertama menyaksikan Terengganu mendahului 3-0 dalam separuh masa menerusi jaringan Sahmudin Mohamad (m-20), Hairudin Omar (m-23) dan Alfian Aziz (m-32).

Sepuluh minit selepas babak kedua bermula, Mohd Tarmizi Mohd Nor merapatkan jurang buat Kelantan tetapi jaringan Fazizllah Mamat (m-61) dan Alfian (m-63) memastikan kejayaan Terengganu.

Johor pula bangkit dari ketinggalan dua gol untuk seri 2-2 dengan Pahang, sekali gus mengiringi Terengganu ke suku akhir dan akan bertemu juara bertahan, Selangor.

Ahmad Fauzi Saari (m-12) dan Hairul Azira Mohd Ghazali (m-16) membolehkan Pahang mendahului 2-0 sebelum Nazarudin Zakaria (m-30) serta Low Seng Chong (m-84) menyelamatkan Johor.

Pulau Pinang dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mara dari Kumpulan D.

Pulau Pinang membelasah ATM 7-1 untuk bertemu Perak dalam suku akhir. Mahathir Mohd Jamal Mohd muncul wira pasukan dengan empat gol pada minit ke-26, 58, 60 dan 70.

Tiga lagi gol dijarangkan oleh Mohd Razwidaura Abdul Rahman, Mohd Azli Fasya Jamaluddin dan Mohamad Hafidzullah Abdul Karim manakala Asparul Izam Mustafa menjaringkan gol sagu hati ATM.

PDRM terpaksa berkerja keras selepas ketinggalan dua gol sebelum memastikan tempat ke suku akhir dengan mengetepikan Sarawak 3-2.

Azrine Affendy Saoduddin muncul wira PDRM dengan dua gol iaitu pada minit ke-63 dan 82 manakala satu gol lagi dijarangkan Shahadi Abdul Rahman (m-80) sementara Ronny Winson Anthony Gak (m-15) dan Amil Sarkawi (m-41) menjaringkan gol Sarawak.

Keputusan: Pahang 2 Johor 2, Terengganu 5 Kelantan 1, PDRM 3 Sarawak 2, ATM 1 P Pinang 7.

(END)